

## PERSEPSI GURU TERHADAP KEPERLUAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR

### *TEACHERS' PERCEPTION TOWARDS THE NEEDS OF GUIDANCE AND COUNSELING SERVICES IN RURAL PRIMARY SCHOOLS*

**Nisrin Zalchary Anoi<sup>1</sup>**

Faculty Education,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
(Email: niswell\_31@yahoo.com)

**Abu Yazid Abu Bakar<sup>2</sup>**

Faculty Education,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
(Email: yazid3338@ukm.edu.my)

*Accepted date: 23-04-2019*

*Published date: 08-07-2019*

**To cite this document:** Anoi, N. Z., & Bakar, A. Y. A. (2019). Persepsi Guru Terhadap Keperluan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah Luar Bandar: Satu Kajian Kes. *International Journal of Education, Psychology, and Counselling*, 4(31), 277-283. DOI: 10.35631/IJEPC.4310024

---

**Abstrak:** Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah memainkan peranan yang penting dalam membantu murid bukan sahaja dari segi akademik dan tingkah laku, malah dalam merancang masa depan mereka. Menyedari kepentingan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat pekeliling KP/5209/35/(40) yang mengkehendaki guru besar-guru besar di setiap sekolah rendah untuk melantik seorang guru bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing. Kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi guru terhadap keperluan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah luar bandar, khususnya di Daerah Bakong, Miri, Sarawak. Kajian ini merupakan kajian deskriptif melibatkan 35 orang guru yang mengajar di sekolah rendah luar bandar di daerah Bakong. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang diadaptasi dari kajian Mohd Haidhir Md Yusof (2015) yang merangkumi 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A terdiri daripada 8 item meliputi data demografi, sementara Bahagian B, C dan D menggunakan skala likert. Bahagian B merangkumi data persepsi mengenai bimbingan dan kaunseling di sekolah luar bandar, bahagian C merangkumi keperluan unit bimbingan dan kaunseling serta guru bimbingan dan kaunseling di sekolah luar bandar, dan bahagian D pula merangkumi masalah dan peranan yang memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif meliputi frekuensi, peratus dan min. Dapatan kajian dapat memberi input bukan sahaja kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, tetapi juga kepada warga pendidikan sama ada pihak sekolah mahupun pihak yang lebih tinggi seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar usaha-usaha memartabatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat direncana dan dilaksanakan seterusnya mengoptimumkan kegunaan perkhidmatan ini dalam meningkatkan keberhasilan pendidikan.

**Kata Kunci:** Bimbingan Dan Kaunseling, Persepsi Guru, Sekolah Rendah Luar Bandar

**Abstract:** *Guidance and counseling services play an important role in helping students in academics and behavior as well as in planning their future. Realizing this, the Ministry of Education has issued a circular letter DG / 5209/35 / (40), which requires each school to appoint a teacher of guidance and counseling. This study was carried out to identify teachers' perception towards the needs of guidance and counseling in rural primary schools, especially in Bakong, Miri, Sarawak. This study is a descriptive study involving 35 teachers in rural primary schools in Bakong district. The instrument used was a questionnaire adapted from Haidhir Md Yusof Mohd study (2015) that includes four parts, A, B, C and D. Part A consists of eight items including demographic data, while likert scale was used in Part B, C and D. Part B includes the perception of guidance and counseling data, part C the needs and teachers of guidance and counseling in rural area, and section D identified the issues and roles that require the needs of guidance and counseling services. Data were analyzed using descriptive analysis including frequency, percentage and mean. The findings could provide inputs not only to guidance and counseling area, but also to the school, higher authorities and Ministry of education in upgrading the guidance and counselling services as well as ensuring the optimum use of the services in improving the quality of education*

**Keywords:** *Guidance and Counselling Services, Teachers' Perception, Rural Primary Schools*

---

## **Pengenalan**

Bimbingan dan kaunseling telah mendapat pengiktirafan sepenuhnya dalam dunia pendidikan apabila turut termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan 2013. Malah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan beberapa perintah am seperti Surat Pekeliling KP 5209/30/(30) yang mengarahkan Pengarah Pelajaran Negeri supaya semua guru besar memberikan kemudahan tempat untuk aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing. KP5209/35/(40) pula telah mewajibkan setiap sekolah rendah dan menengah melantik seorang guru bimbingan dan kaunseling dan beberapa garis panduan pelaksanaan bimbingan dan kaunseling telah diperkenalkan antaranya seperti yang tertera dalam Surat Pekeliling KP5209/35/(4).

Kajian lepas juga mengakui kepentingan dan keperluan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Antaranya Wei-Cheng, Jiaqi dan Hoetmer (2016) menyatakan pelajar daripada sekolah-sekolah yang menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang lebih baik cenderung untuk mempunyai iklim sekolah yang lebih positif sama ada dari segi kehadiran, tingkah laku pelajar, keselamatan mahupun identiti sekolah. Hal ini turut dipersetujui oleh Nurhasanah dan Qathrin Nida (2016) yang menyatakan bimbingan dan kaunseling membantu dalam membentuk peribadi pelajar seterusnya meningkatkan keupayaan intelektual mereka.

Walaupun bimbingan dan kaunseling telah diakui kepentingan dan keperluannya, Eremie dan Dimkpa (2019) menyatakan masih berlaku miskonsepsi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Malah menurut kajian mereka yang dijalankan di Nigeria, kebanyakan pentadbir sekolah menganggap kaunselor sebagai ancaman kepada kuasa mereka dan mereka cenderung untuk tidak memberikan sokongan sepenuhnya kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Bukan itu sahaja, menurut Salina dan Khairul Azmi (2018), stigma iaitu pandangan negatif terhadap individu yang mendapatkan khidmat bimbingan dan kaunseling menjadikan khidmat ini dipinggirkan seolah-olah ia satu penyakit berjangkit yang

perlu dielakkan. Miskonsepsi sebegini akan menyukarkan pelaksanaan bimbingan dan kaunseling dan menjejaskan keberkesanannya.

Di luar negara, banyak kajian telah dijalankan tentang persepsi terhadap bimbingan dan kaunseling. Antaranya kajian Eremie dan Dimkpa (2019) yang mengkaji tentang persepsi pentadbir sekolah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di River State Nigeria, serta kajian Ballesteros dan Hilliard (2016) yang mengkaji tentang persepsi pelajar di Latina terhadap kaunseling dalam talian. Namun, di Malaysia masih kurang kajian tentang persepsi terhadap bimbingan dan kaunseling. Oleh itu, bagi mengisi kelompangan kajian, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti persepsi guru sekolah luar bandar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input bukan sahaja kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, tetapi juga kepada warga pendidikan sama ada pihak sekolah mahupun pihak yang lebih tinggi seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar usaha-usaha memartabatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat direncana dan dilaksanakan seterusnya mengoptimumkan kegunaan perkhidmatan ini dalam meningkatkan keberhasilan pendidikan.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Mengetahui persepsi guru sekolah rendah luar bandar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
2. Mengetahui keperluan dan latihan yang diperlukan bagi menggerakkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah luar bandar.
3. Mengetahui masalah yang memerlukan peranan unit bimbingan dan kaunseling.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab dan menjelaskan tiga persoalan kajian berikut:

1. Apakah persepsi guru sekolah rendah luar bandar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
2. Apakah keperluan dan latihan yang diperlukan bagi menggerakkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
3. Apakah masalah yang memerlukan peranan unit bimbingan dan kaunseling ?

### **Kajian Literatur**

#### ***Keperluan Bimbingan dan Kaunseling***

Kaunseling dapat difahami sebagai satu proses sistematik yang membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor yang berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai satu perubahan, kemajuan, penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien (Akta Kaunselor, 1998). Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling banyak memberi manfaat terutamanya kepada pelajar. (Salina dan Khairul Azmi, 2018). Menurut mereka lagi, tidak semua masalah dapat difahami oleh orang biasa seperti rakan-rakan. Seseorang individu memerlukan perkhidmatan kaunseling untuk membantu mereka mengenal pasti masalah yang dihadapi. Kajian yang dilakukan oleh Marsh dan Wilcoxon (2015) pula menyatakan bahawa pelajar kolej yang mempunyai masalah psikologikal cenderung untuk mendapatkan bantuan profesional iaitu berjumpa kaunselor bagi membantu mereka. Selain itu, Malek (2007) menyatakan bahawa setiap manusia termasuk golongan kurang upaya mempunyai masalah tersendiri terutamanya dalam membuat keputusan

terhadap sesuatu perkara. Kajian ini mendapati bahawa perkhidmatan kaunseling bukan sahaja membantu dalam penyelesaian masalah, namun ianya dapat membantu dalam membina keyakinan diri. Perkhidmatan kaunseling juga turut memainkan peranan yang penting terhadap institusi kekeluargaan. (Salasiah dan Muhamad Anis, 2018) Menurut kajian mereka, kaunseling merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan konflik dan persengketaan dalam keluarga. Tanpa ikhtiar untuk memulihkan rumahtangga, tentulah banyak perceraian berlaku di negara kita. Perkhidmatan kaunseling bukan sahaja penting kepada golongan pelajar, golongan kurang upaya dan institusi keluarga, namun perkhidmatan ini turut memberi impak yang positif kepada golongan warga emas. Nur Afifah dan Hapsah (2018) dalam kajian mereka menyatakan bahawa perkhidmatan kaunseling diperlukan oleh warga emas kerana mereka juga mengalami pelbagai bentuk masalah seperti masalah psikososial, kesunyian, masalah menghadapi persaraan, pengabaian dan penderaan serta konsep sendiri. Kajian ini mendapati bahawa permasalahan ini dapat dikurangkan melalui perkhidmatan kaunseling yang dapat membantu dalam meningkatkan kesejahteraan diri dalam kalangan golongan warga emas ini. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling dilihat memainkan peranan yang amat penting untuk setiap golongan masyarakat.

### ***Kajian Luar Negara***

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan di luar negara bagi mengkaji persepsi terhadap keperluan bimbingan dan kaunseling. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Karatas dan Kaya (2015) yang mendapati bahawa perkhidmatan kaunseling amat diperlukan bagi membantu dalam membina tingkah laku pelajar. Barisan pentadbir sekolah menekankan bahawa kaunselor haruslah mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan masalah pelajar serta mampu merancang program yang berkesan. Menurut Mabula dan Edna (2015) pula, kaunselor sekolah yang terlatih amat diperlukan dalam membina tingkah laku positif dalam kalangan pelajar Tanzania. Menurutnya lagi, kaunseling kini menjadi perkhidmatan yang diperlukan untuk pelajar sekolah di negara membangun. Ini adalah kerana cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran mereka berpotensi untuk menjejaskan pelajar dari segi sosial, psikologi dan akademik. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling dijangka dapat membantu pelajar dalam menangani cabaran tersebut. Sementara itu, Ballesteros dan Hilliard (2016) mengkaji tentang persepsi pelajar Latina tentang kaunseling dalam talian. Kajian tersebut mendapati persepsi pelajar amat positif terhadap keperluan kaunseling dalam talian. Pelajar merasakan mereka selesa meluahkan perasaan secara kaunseling dalam talian.

### ***Kajian-kajian Dalam Negara***

Namun, jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan di luar negara, didapati kurangnya kajian berkaitan persepsi terhadap keperluan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan di dalam negara. Antara kajian yang telah dijalankan di dalam negara ialah kajian Salina dan Khairul Azmi (2018) yang mengkaji persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik yang mana keperluan kaunseling telah dikategorikan kepada beberapa tema utama iaitu manfaat kaunseling, faktor pendorong, faktor penghalang dan sumber merujuk masalah. Kajian ini mendapati bahawa perkhidmatan kaunseling menyediakan ruang dan peluang yang kondusif untuk menjadi pendengar kepada masalah pelajar. Faktor pendorong pula berkait rapat dengan personaliti dan kriteria seorang kaunselor yang sering menarik minat pelajar untuk berjumpa dengan mereka. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa faktor penghalang terjadi apabila pelajar merasakan pandangan negatif orang lain seperti rakan sebaya menyebabkan mereka membuat keputusan untuk tidak menggunakan perkhidmatan kaunseling sebagai jalan penyelesaian kepada masalah yang mereka hadapi. Selain itu, kajian ini turut

mendapati bahawa pelajar meletakkan individu lain sebagai sumber merujuk masalah yang utama dan bukan pada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

## **Metodologi**

### ***Rekabentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan dijalankan secara kaedah kajian tinjauan. Ia digunakan bagi meninjau persepsi guru-guru sekolah rendah luar bandar terhadap keperluan bimbingan dan kaunseling. Kaedah ini sesuai digunakan kerana kajian tinjauan menurut Creswell (2012) adalah satu kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengenal pasti trend dan pendapat terhadap sesuatu perkara. Dalam kajian ini, soal selidik yang diadaptasi daripada Mohd Haidhir (2015) digunakan bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian.

### ***Populasi dan Sampel Kajian***

Kajian dijalankan terhadap 35 orang guru berjawatan tetap yang mengajar di 3 buah sekolah rendah luar bandar di daerah Bakong. Jumlah populasi sebenar ialah 120 orang guru. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan atau "*purposive sampling*" merujuk kepada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai dipilih oleh pengkaji sebagai responden kajian berdasarkan tujuan khusus (Chua, 2006).

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik yang diadaptasi daripada Mohd Haidhir (2015). Beliau telah menjalankan kajian rintis bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Instrumen ini merangkumi empat bahagian yang dibina bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Bahagian A meliputi latar belakang dan ciri-ciri demografi responden iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar, taraf perkahwinan dan taraf pendidikan. Bahagian B, C dan D pula meliputi item-item yang menggunakan skala likert lima pilihan digunakan bagi guru-guru menyatakan darjah persetujuan terhadap item yang dikemukakan sama ada Sangat Setuju (5), Setuju (4), Tidak Pasti (3), Tidak Setuju (2) atau Sangat Tidak Setuju (1). Bahagian B pula menjawab objektif yang kedua iaitu persepsi guru terhadap Unit Bimbingan dan Kaunseling serta Guru Bimbingan dan Kaunseling manakala bahagian C menjawab objektif yang ketiga iaitu mengenal pasti keperluan guru kaunseling dan latihan. Bahagian D pula menjawab objektif yang keempat iaitu mengenal pasti masalah pelajar serta peranan unit bimbingan dan kaunseling.

### **Tatacara Pengumpulan Data**

Setelah mendapat persetujuan daripada guru besar di sekolah yang berkaitan untuk menjalankan kajian ini, pengkaji bertemu dengan guru-guru di setiap sekolah yang terlibat sebagai responden kajian. Pengkaji menjelaskan tujuan kajian kepada responden dan menyatakan peranan responden dalam kajian ini. Isu etika seperti kerahsiaan dan penyertaan secara sukarela turut diterangkan kepada responden. Pengkaji seterusnya mengedarkan set soal selidik kepada setiap responden. Responden diberikan sedikit masa untuk menjawab soal selidik tersebut. Soal selidik yang telah siap dijawab dikumpulkan semula oleh pengkaji untuk dianalisa.

### **Tatacara Analisis Data**

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 22. Jenis analisis yang digunakan adalah statistik deskriptif iaitu pengiraan data

yang meliputi frekuensi, peratus dan min bagi item-item soal selidik. Skor min setiap item seterusnya diinterpretasi menggunakan Jadual 1.

**Jadual 1: Interpretasi Skor Min**

| Skor Min  | Interpretasi  |
|-----------|---------------|
| 1.00-1.89 | Sangat rendah |
| 1.90-2.69 | Rendah        |
| 2.70-3.49 | Sederhana     |
| 3.50-4.29 | Tinggi        |
| 4.30-5.00 | Sangat tinggi |

Sumber: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006)

### Penutup

Kajian ini akan memberi fokus terhadap persepsi guru-guru berjawatan tetap yang mengajar di sekolah rendah luar bandar di daerah Bakong terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Selain itu, kajian ini turut meninjau keperluan dan latihan yang diperlukan bagi memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat dilaksanakan dengan jayanya serta masalah yang memerlukan peranan unit ini di sekolah luar bandar. Dapatan kajian dapat memberi input bukan sahaja kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, tetapi juga kepada warga pendidikan sama ada pihak sekolah mahupun pihak yang lebih tinggi seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar usaha-usaha memartabatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat direncana dan dilaksanakan seterusnya mengoptimumkan kegunaan perkhidmatan ini dalam meningkatkan keberhasilan pendidikan. Pengkaji berharap agar pihak-pihak yang berkenaan dapat memberi perhatian yang serius terhadap keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini kerana perkhidmatan ini dapat membantu pelajar-pelajar bukan sahaja di sekolah bandar malah turut memberi impak yang positif di sekolah luar bandar.

Kesimpulannya, konsep perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini haruslah difahami dengan lebih jelas oleh seluruh warga sekolah khususnya dan seluruh lapisan masyarakat amnya supaya perkhidmatan ini dapat dimanfaatkan dengan lebih baik dari semasa ke semasa, terutama di sekolah-sekolah rendah luar bandar di pedalaman Sarawak.

### Rujukan

- Ballesteros, J.L. & Hilliard, R.C. (2016). U.S.-Based Latina/o College Students' Attitudes Toward Online Counseling. *International Journal for the Advancement of Counselling*. 38: 269.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan. Malaysia: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2012). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. London, UK: Sage.
- Eremie, Maxwell D. & Dimkpa, Chioma A. (2019). Senior Public School Principals' Perception Of Guidance And Counselling Services In Rivers State. *International Journal of Innovative Social & Science Education Research*. 7(1) :71-79
- Mau, Wei Cheng, Li, Jiaqi & Hoetmer, K. (2016). Transforming High School Counseling: Counselors' Roles, Practices, And Expectations For Students' Success. *Administrative Issues Journal: Connecting Education, Practice, and Research*, Winter 2016,6(2), No. 2: 83-95.

- Karatas, K. & Kaya, I. (2015). An Investigation Of The Perceptions Of School Administrators Towards The Roles And Duties Of School Counselors. *Eurasian Journal of Educational Research*, 61: 181-198.
- Mabula, N. & Edna, K. (2015). Is it not now? School Counselors' Training In Tanzania Secondary Schools. *Journal of Education and Practice*.6 (19): 160-169
- Malaysia. (1998). Akta Kaunselor 1998. (Akta 580).
- Malek Muhamat Said. (2007). *Mengurus Khidmat Bimbingan & Kaunseling Sekolah*. PTS Publications. Perpustakaan Kuala Lumpur.
- Marsh, C. N & Wilcoxon, S. A. (2015). Underutilization Of Mental Health Services Among College Students: An Examination Of System-Related Barriers. *Journal of College Student Psychotherapy*, 29 (3): 227-243.
- Mohamad Haidhir Md Yusof. (2015). Persepsi Guru Terhadap Keperluan Serta Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sra Jawi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Afifah Baharum & Hapsah Md Yusof. (2018). Perkhidmatan Kaunseling Kepada Golongan Warga Emas Di Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam 2018*, hlm 136-139.
- Nurhasanah & Qathrin Nida. (2016). Character Building Of Students By Guidance And Counseling Teachers Through Guidance And Counseling Services. *Jurnal Ilmiah Peuradeum*, 4(1): 65-76.
- Salasiah Hanin Hamjah & Muhamad Anis Ajmal Abdullah Rashidi. (2018). Pendekatan Spiritual Dalam Kaunseling Dan Implikasinya Terhadap Klien Dalam Menangani Isu Kekeluargaan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam 2018*, hlm87-93.
- Salina Nen & Khairul Azmi Ibrahim. (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*.15 (4) 93-103